

**Tarikh dibaca: 10 Zulhijjah 1444H**



**جَبَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ**  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

# **KHUTBAH IDULADHA**

**Tajuk:**

**“IDULADHA SUATU PENGORBANAN”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## "IDULADHA SUATU PENGORBANAN"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ  
الْكَافِرُونَ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ  
جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَعَاتَيْنَهُ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَإِنَّهُ فِي الْأَخْرَةِ لَمِنَ  
الصَّالِحِينَ ﴿١٢٢﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ  
وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

<sup>1</sup> Al-Nahl : 122.



أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>2</sup>

### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah SWT,**

Saya berpesan kepada diri saya dan jemaah sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya, dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan ketakwaan dan keimanan yang sebenar-benarnya akan memberikan kejayaan kepada kita di dunia dan di akhirat.

Pada pagi hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah Iduladha yang bertajuk "**IDULADHA SUATU PENGORBANAN.**"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah SWT,**

Pada 10 Zulhijjah umat Islam di seluruh dunia merayakan Iduladha dengan melaksanakan solat sunat Iduladha dan ibadah korban serta menghiasi hari raya dengan tasbih, tahmid, takbir dan tahlil sebagai tanda syukur kepada Allah SWT. Semuanya bergembira menyambut Iduladha dengan saling mengunjungi serta berpakaian baru dan cantik.

<sup>2</sup> ali-Imran : 102.



Di samping kita menikmati berbagai juadah yang disediakan, janganlah dilupakan golongan yang tidak dapat menyambut hari yang mulia ini kerana keuzuran atau hidup miskin serta melarat. Kunjungilah dan hulurkanlah bantuan kepada mereka. Eratkan ukhuwah Islamiyyah dengan mengunjungi kaum kerabat, sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai. Janganlah kita cemari hari raya ini dengan perkara maksiat dan dosa, sebaliknya hiasilah dengan kebaikan dan amalan kebajikan.

Iduladha yang kita rayakan setiap tahun pasti mengingatkan kita kepada pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan juga korban dua orang anak Nabi Adam Alaihissalam iaitu Habil dan Qabil.

Korban Habil diterima oleh Allah SWT kerana keikhlasan hati dan ketakwaannya kepada Allah SWT dengan mengorbankan kibas yang paling elok dan gemuk. Manakala korban Qabil ditolak kerana dia mengorbankan hartanya yang paling buruk.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 37:

لَنْ يَنَالَ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ

*"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu."*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

**Muslimin dan Muslimat yang berbahagia,**

Nabi Ibrahim Alaihissalam telah melakukan pengorbanan yang besar, dia sentiasa bersyukur di atas nikmat yang diberikan kepadanya, maka Allah



SWT kurniakan kepadanya kebaikan di dunia dan di akhirat sepertimana firman Allah dalam surah Al-Nahl ayat 122 yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

*"Dan Kami telah memberikan kepadanya kebaikan di dunia dan sesungguhnya dia pada hari akhirat adalah dari orang-orang yang soleh."*

Nabi Ibrahim Alaihissalam berpegang kuat dengan Akidah ketauhidan kepada Allah sejak muda lagi. Sejarah menceritakan kisah beliau yang menghancurkan berhala sembahhan Namrud yang menyebabkannya dihukum dengan cara dibakar tetapi diselamatkan oleh Allah SWT. Setelah tua, Nabi Ibrahim Alaihissalam dikurniakan seorang anak bernama Ismail Alaihissalam melalui isteri keduanya iaitu Siti Hajar, kegembiraannya itu tidaklah lama kerana diuji oleh Allah SWT dengan memerintahkannya supaya menghantar dan menempatkan Siti Hajar dan Ismail di lembah yang tandus lagi gersang. Demi mentaati perintah Allah SWT, Nabi Ibrahim Alaihissalam rela mengorbankan kasih sayangnya seperti yang disebutkan dalam surat Ibrahim ayat 37:

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ  
الْمُحَرَّمِ

*"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tidak ada tanaman padanya, di sisi rumah-Mu yang diharamkan mencerobohnya."*

Pengorbanan Siti Hajar juga amat besar, ditinggal suami tanpa manusia lain kecuali Nabi Ismail yang masih kecil. Siti Hajar reda sepenuh jiwa dan



raganya berkorban demi mentaati perintah Allah SWT. Pada suatu hari Siti Hajar kehabisan belakan air hingga tidak dapat menyusukan anaknya Ismail. Oleh kerana risau keselamatan anaknya, dia sanggup bersusah-payah berlari-lari berusaha mencari air antara bukit Safa dan Marwah sebanyak 7 kali. Kemudian Allah SWT mengurniakan pertolongan dengan menerbitkan mata air berdekatan Kaabah yang dikenali sebagai telaga Zam Zam.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin muslimat yang berbahagia,**

Pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam yang lebih besar ialah apabila baginda diperintahkan oleh Allah SWT supaya menyembelih anak kesayangannya, Nabi Ismail Alaihissalam. Lalu Nabi Ibrahim Alaihissalam pun memberitahu anaknya akan perintah Allah SWT tersebut dan Nabi Ismail Alaihissalam menerimanya dengan penuh ketaatan yang tidak berbelah bagi.

Semasa Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam berjalan menuju tempat sembelihan, mereka diganggu oleh syaitan yang bertujuan menghalang mereka daripada melaksanakan perintah Allah SWT itu. Untuk mengusir syaitan yang mengganggu, Nabi Ibrahim Alaihissalam pun melemparinya dengan batu yang kemudian peristiwa ini diabadikan dalam ibadah haji, yakni melontar jamrah. Pengorbanan kedua-duanya itu lantas dibalas dan diganti oleh Allah SWT dengan binatang sembelihan yang besar. Firman Allah SWT dalam surat Al-Saffat ayat 107:

وَقَدَيْنَاهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٠٧﴾

*“Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar.”*



## اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### Hadirin dan hadirat yang dimuliakan,

Mulai 10 Zulhijjah (hari ini) selepas solat sunat Iduladha hingga 13 Zulhijjah sebelum terbenam matahari, umat Islam disunatkan mengorbankan sedikit harta untuk melaksanakan ibadah korban sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-kauthar ayat 2:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ

*"Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)."*

Daging korban hendaklah disedekahkan kepada fakir dan miskin di tempat tersebut. Tujuannya untuk mengukuhkan ukhuwah Islamiyyah. Marilah kita melaksanakan ibadah korban yang merupakan amalan yang sangat dicintai oleh Allah SWT, sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam (manusia) pada hari Nahr (Iduladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada mengalirkan darah (menyembelih korban). Kerana sesungguhnya ia (binatang korban) itu akan datang pada hari kiamat dengan tanduknya, bulunya, dan kukunya. Dan sesungguhnya darah binatang korban itu akan sampai kepada (reda) Allah sebelum titisan darah tersebut jatuh ke bumi, maka bersihkanlah jiwa kamu dengan berkorban.*

*(Riwayat al-Tirmizi).*



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### Hadirin dan hadirat yang dimuliakan,

Ibadah haji juga perlukan pengorbanan, mengorbankan harta puluhan ribu ringgit sebagai perbelanjaan perjalanan, penginapan, bayaran dam dan sebagainya. Apa yang kita belanjakan itu akan diberi ganjaran oleh Allah SWT.

Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

*"Dan haji Mabruur tidak ada balasannya melainkan syurga"*

*(Riwayat al-Bukhari).*

### Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Bagi mengakhiri khutbah pada pagi yang mulia ini, marilah kita hayati dan ambil pengajaran daripada perkara-perkara berikut:

1. Ketaatan kedua ibu bapa kepada Allah Taala adalah jaminan ketaatan anak kepada ibu bapanya.
2. Umat Islam hendaklah mengambil pengajaran daripada pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dalam mentaati perintah Allah SWT.
3. Berjihad pada jalan Allah dengan mengorbankan harta benda dan jiwa raga dengan tulus ikhlas akan dikurniakan ganjaran syurga Oleh Allah SWT .





أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ  
أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

“(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah. Mereka itulah orang yang memperoleh kemenangan.”

(Al-Taubah : 20).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

قال تعالى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ ۚ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ



## Muslimin-Muslimat yang di rahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ



وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدٍ سَلَاعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحِ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْاِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ

عِبَادَ اللهِ، اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ  
مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ

\*\*\*\*\*